



27 MAY, 2025

ASEAN perlu AS\$3 trilion sasar peralihan tenaga



Utusan Malaysia, Malaysia

ASEAN perlu AS\$3 trilion sasar peralihan tenaga

KUALA LUMPUR: ASEAN memerlukan pelaburan sekurang-kurangnya AS\$3 trilion (RM12.61 trilion) menjelang 2050 untuk mencapai sasaran peralihan tenaga.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, Malaysia sahaja memerlukan lebih AS\$143 bilion (RM601.12 bilion) bagi merealisasikan aspirasi tenaga boleh baharu (TBB) di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara.

“Angka-angka ini menunjukkan satu kebenaran bahawa pembiayaan awam sahaja tidak mencukupi.

“Oleh itu, adalah penting bagi kerajaan-kerajaan di rantau ini mewujudkan persekitaran kondusif bagi merangsang pelaburan swasta, baik dari dalam mahupun luar negara, melalui pembaharuan dasar yang diselenggarakan dan

instrumen kewangan inovatif,” katanya pada Mesyuarat Peralihan Tenaga di ASEAN: Memperkukuh Kerjasama Serantau di sini, semalam.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, Malaysia telah mula menyelaras dasar nasional dan landskap pembiayaan bagi menyokong usaha transformasi tenaga dan perubahan iklim.

“Sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia menyedari daya saing dan cita-cita iklim perlu digerak seiring.

“Di peringkat nasional, kami telah melaksanakan beberapa inisiatif utama termasuk Skim Pembekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat membolehkan pengguna elektrik berskala besar mendapatkan TBB secara langsung daripada pemaju swasta,” katanya.